

Gerai *e-Paper* di USIM

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Pesta Konvo Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kali ke-11 yang akan berlangsung pada 28 November hingga 1

Disember ini buat pertama kalinya akan dimeriahkan dengan gerai akhbar digital (*e-Paper*) *Utusan Malaysia*.

Eksekutif Pemasaran Perancangan dan Saluran Baharu Utusan Melayu (M) Berhad, Adibah Ali berkata, pengunjung gerai Kumpulan Utusan itu boleh mendapatkan akses percuma *e-Paper Utusan Malaysia* selama 30 hari yang boleh dibaca melalui platform iPad dan Android.

Selain itu tambahnya, pengunjung turut berpeluang melanggan



e-Paper tersebut selama setahun dengan harga promosi serendah RM90.

“Setiap pengunjung yang membuat langganan *e-Paper*

juga boleh menyertai permainan ‘Tembak dan Menang’ dan mendapatkan kupon cabutan bertuah serta berpeluang membawa pulang hadiah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Adibah, antara aktiviti menarik lain yang disediakan di gerai *Utusan Malaysia* adalah Mini Studio Penghias Wajah selain jualan buku-buku Utusan Publication & Distribution (UP&D) dan permainan *paintball*.

Sehubungan itu katanya, orang ramai dijemput ke Pesta Konvo



USIM tersebut terutama gerai jualan Kumpulan Utusan bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam untuk menyertai pelbagai aktiviti dan memenangi hadiah menarik.